



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 JULAI 2020 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

12 JULAI 2020 (AHAD)

Kenaikan harga ayam

Kementerian buka 8 kertas siasatan

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuka lapan kertas siasatan terhadap peniaga disyaki melakukan kesalahan menaikkan jualan harga ayam.

Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata mereka membabitkan empat peruncit di pasar awam di Melaka dan empat pemborong iaitu satu di Melaka dan tiga di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Katanya, susulan aduan orang ramai berhubung kenaikan harga ayam di pasar basah awam, Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP melaksanakan pemeriksaan untuk mengenal pasti peringkat rantaian pembekalan yang memulakan punca kenaikan itu dan mengesan jika wujud aktiviti pencatutan.

"Sehingga 30 Jun lalu, sebanyak 353 premis membabitkan 280 peruncit, 50 pemborong dan 23 pengeluar serta penternak ayam diperiksa," katanya.